

# 'Saya tak pernah terlibat urusan tender'

DIANA SURYA ABD WAHAB

KUANTAN - Setiap tender yang melibatkan peruntukan kerajaan negeri diuruskan dan dipengerusikan oleh Jawatankuasa Tender di bawah Pejabat Kewangan Negeri dan pemilihannya juga melalui melalui menyurat kerajaan negeri.

Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob berkata, setiap Exco yang bertanggungjawab disarankan supaya memilih dengan adil dan saksama serta meletakkan sesuatu pada haknya.

Jelasnya, beliau tidak pernah terlibat urusan tender di negeri ini dan bertindak sebagai pengurusi Jawatankuasa Tender negeri.

"Saya selalu sebut dalam mesyuarat kerajaan negeri dan jawatankuasa tender bahawa sekiranya orang atau syarikat berkenaan sudah dapat kontrak kerajaan negeri... baru MB (menteri besar) akan tandatangan."

"Saya juga ingatkan mereka supaya jangan pilih kasih, berkroni dan kalau boleh bantu, kita bantu... jika orang itu mengemukakan tender terbaik dan layak, tapi kita tidak kenal, maka kena bagi tender. Kalau dia tak layak tapi kawan kita, makanya jangan beri."



Adnan (tengah) hadir merasmikan Persidangan Pertama Tadbir Urus Korporat dan Integriti anjuran bersama Yayasan Pahang (YP) dan Universiti Malaysia Pahang (UMP) di Kompleks Yayasan Pahang, semalam.

"Orang ingat MB pengerusi jawatankuasa tender tapi sebenarnya tidak. Ada sesetengah negeri memang MB yang jadi pengerusinya tapi saya sendiri tak nak. Kalau jadi pengerusi maka lebih ramai yang datang minta," katanya.

Beliau berkata dalam satu sidang media selepas merasmikan Persidangan Pertama Tadbir Urus Korporat dan Integriti anjuran bersama Yayasan Pahang (YP) dan Universiti Malaysia Pahang (UMP) di sini, semalam.

Turut hadir, Menteri di

Jabatan Perdana Menteri, Senator Datuk Paul Low Seng Kuan dan Naib Canselor UMP, Profesor Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim.

Di persidangan tersebut, terdapat tiga forum dan perbahasan melibatkan kira-kira 40 kertas kerja berkaitan dengan tadbir urus korporat dan integriti yang dapat membawa kepada cadangan pembaikan isu pencegahan rasuah di masa hadapan.

Dalam pada itu, menurutnya, amalan tersebut telah diperaktikkan sejak mengangkat jawatan menteri be-

sar iaitu sekitar tahun 1999 dan sehingga sekarang.

"Sehingga sekarang saya tidak pernah bercadang untuk mengubahnya."

"Ia akan diubah dan di mana saya yang akan jadi pengerusinya kalau semua tender itu boleh diberikan kepada semua rakyat yang memohon."

"Di Pahang keadaan masih baik dan tidak ada kes melibatkan pemberian tender tidak telus, saya berpuas hati dengan segala urusan pemberian dan pengagihan tender," katanya.